

18/07/2002

Kajian semula SSB babit pelbagai perubahan

BATU PAHAT, Rabu - Gabungan Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) menjangka kajian semula Sistem Saraan Baru (SSB) yang akan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan membabitkan pelbagai perubahan ketara sektor perkhidmatan awam.

Presidennya, Datuk N Siva Subramaniam, berkata antara perkara yang dijangka dipertimbangkan ialah pemberian terlalu banyak kuasa kepada ketua jabatan dan memberi tumpuan melahirkan lebih ramai kakitangan awam berilmu.

"Pengumuman terperinci akan dibuat Perdana Menteri, mungkin dalam bulan ini juga," katanya selepas menyampaikan ceramah dan dialog pada seminar kesedaran kepenggunaan di Hotel Katerina, di sini, hari ini.

Seminar itu dianjurkan Bahagian Hal Ehwal Pengguna Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK), disertai 150 ahli KPPK dari Johor dan Melaka.

Siva yang juga Setiausaha Agung KPPK, berkata kerajaan bersetuju mewujudkan bahagian sumber manusia di Kementerian Pendidikan bagi menjaga kebajikan kira-kira 350,000 guru.

Bahagian itu, katanya, terbahagi kepada lima unit, iaitu cawangan dasar dan pembangunan sumber manusia, pembangunan organisasi dan semasa, naik pangkat dan tatatertib, pembangunan manusia dan latihan serta kaunseling dan keutuhan.

"KPPK yakin bahagian sumber manusia ini dapat membantu menyelesaikan masalah guru yang mewakili 40 peratus daripada keseluruhan kakitangan awam di negara ini," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, pihaknya akan berbincang dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berhubung cadangan supaya kakitangan awam yang bersalin anak keenam dan ke atas turut mendapat cuti bergaji 60 hari.

"Selama ini, cuti 60 hari hanya untuk bersalin sehingga anak kelima dan selepas itu, kakitangan awam perlu mengambil cuti tanpa gaji. Jadi, Cuepacs mencadangkan supaya cuti bergaji itu diberikan tanpa had," katanya.